

Berita-berita Ringkas Dari Alam Islami

Hal Ehwal Dan Masalah Aden

Pada permulaan bulan April satu rombongan daripada Bangsa-Bangsa Bersatu telah tiba di Aden untuk menyelidiki hal ehwal dan perkembangan di Aden yang akan diserahkan oleh kerajaan British pada tahun 1968 kepada orang-orang di sana untuk memerintahkannya. Kedatangan suruhanjaya itu disambut dengan perarakan-perarakan dan dengan pemboikotan-pemboikotan sehingga akhirnya beberapa hari sahaja kemudian, rombongan itu terpaksa meninggalkan Aden dengan tidak dapat menjalankan sesuatu perkara atau penyiasatan yang akan dikemukakan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu. Bagaimanakah halnya yang sebenar?

Pada tahun 1839 kerajaan British telah menduduki Aden dan dengan perjanjian dengan Sultan Lahej, Aden telah menjadi jajahan British dan diperintah sebagai sebahagian daripada pemerintahan India. Tahun 1935 dijadikan tanah jajahan yang penuh yang mengandungi Aden *City* (75 batu persegi), Pulau *Prime* (5 batu persegi), Cameron (22 batu persegi), Pulau Khuriya Muriya (28 batu persegi), penduduknya sebanyak 158 orang. Di belakang Aden terdiri pantai-pantai Lahej dan 22 buah negara-negara

Di antara tahun 1812 dan 1924, Britain mendirikan “naungannya” di atas negeri-negeri ini dan membahagikannya kepada dua bahagian naungan timur dan naungan barat. Luasnya

116,967 persegi dan penduduknya 800,000 orang.

Pada 11 Februari 1959, enam daripada 20 negeri di bahagian barat dijadikan negara persatuan iaitu ‘Awdhali, Ya’fa, Fadli, Dala’, Bayhan dan utara ‘Awlaqi. Lahej masuk Persekutuan pada bulan Oktober 1959 dan selatan ‘Awlaqi, Aqrabi dan Dathina masuk bersekutu pada bulan Februari 1960. Wahidi negeri Baihab dan Bir Ali yang terletak didalam naungan timur telah bersatu pada tahun 1962. Koloni Aden masuk ke dalam Persekutuan itu 16 Januari 1963. Hawshabi dan Saif bersatu dalam bulan April 1963. Lain negeri tidak masuk di dalam Persekutuan Negara-negara Arab Selatan dan mereka terus di bawah naungan British. Ibu negeri bagi Persekutuan Arab Selatan ini ialah al-Ittihad, beberapa batu dari Aden.

Kerajaan British mengisytiharkan kemerdekaan negara-negara Persekutuan Arab Selatan itu dan akan keluar daripada Aden pada tahun 1968.

Disebalik itu ada satu pertubuhan bernama FLOSY (Barisan Pembebasan Pendudukan Selatan Yaman) iaitu pertubuhan yang disokong oleh Kerajaan Republik Arab Bersatu yang mengadakan tuntutan bahawa negara-negara itu adalah sebahagian daripada Yaman dan kerana itu hendaklah bersatu di bawah Kerajaan Republik Yaman sesudah

British keluar dari sana.

Dengan cara-cara merusuh dan keganasan pertubuhan ini menghendaki supaya ia diakui mewakili umat Arab Selatan Aden dengan arahan-arahan yang dikatakan arahan dan sokongan materi menurut berita-berita adalah daripada Republik Arab Bersatu.

Sebaliknya Kerajaan Persekutuan Selatan Arab menentang tuntutan mereka dan menghendaki Kerajaan British menyerahkan tanah jajahan itu kepada yang memerintah di sana.

* * *

Dengan tamatnya penjajahan pada tahun 1960 pendakwah-pendakwah Kristian bekerja kencang semula sebagaimana dahulu. Sebaliknya pengertian-pengertian komunis juga masuk ke sana dengan luasnya. Di dalam masa penjajahan Belgium kerajaan memberi bantuan-bantuan kepada gereja-gereja Roman Katholik di Congo dan dengannya menjadikan 50 peratus daripada penduduk negeri itu menjadi Kristian sekalipun mereka tidak mengetahui apakah Kristian itu. Hal-hal ini adalah perlu mendapat perhatian daripada negara-negara Islam merdeka untuk menyokong dan membantu perkembangan Islam di Congo yang utamanya bukan sahaja memasukkan orang ke dalam Islam tetapi memberikan ajaran-ajaran Islam kepada orang-orang Muslim yang hampir 1,000 orang di sana.

* * *

Dalam masa di bawah penjajahan

Belgium 15,000 orang pendakwah-pendakwah Kristian telah menyebarkan pengertian-pengertian Kristian di Congo. Pelajaran dan pekerjaan adalah dimonopoli oleh orang-orang Kristian di atas penduduk Congo yang sebanyak 16 juta orang (banci 1962) itu. Di sana tidak ada satu badan dakwah Islam yang menjalankan dakwahnya di sana. Hingga sekarang, di sana ada lebih kurang 800,000 orang Islam yaitu lebih kurang lima peratus daripada semua penduduk. Di dalamnya termasuk sebahagian orang-orang Arab yang menjadi orang Congo yang mereka tiba daripada Oman, Muscat dan Zanzibar dan mereka kebanyakannya berpakaian dengan pakaian cara orang Arab sendiri. Juga di sana ada orang-orang Asia yang bermazhab Aga Khan Ismaili. Yang ketiga ialah orang-orang Islam daripada bangsa Afrika yang dinamakan Waarabu.


* * *

Pencerobohan Habsyah ke atas Eritrea

Eritrea (luas 48,350 batu persegi) adalah terletak di sepanjang pantai Laut Merah berhadapan dengan pantai-pantai Saudiah 'Arabiyah dan Yaman. Penduduknya sebanyak dua setengah *million*. Yang kebanyakan terdiri dari asal orang Arab (75 peratus).

Dalam sejarahnya ia tidak pernah menjadi sebahagian daripada Habsyah (Ethiopia). Ia terletak di bawah kerajaan Turki pada tahun 1557 dan terletak di bawah kawalan Mesir pada tahun 1846.

Pada tahun 1885, ia terletak di bawah jajahan Itali dan pada masa itulah rakyat Eritrea berjuang



Semasa berada di 'Arabiyyah Sa'udiyah kerana menunaikan fardu haji Yang Berhormat Tuan Ahmad Ibrahim – Jaksa Agung Singapura – sempat mengunjungi *al-Malik* Faisal di istana baginda di Makkah al-Mukarramah. Sekarang beliau telah berangkat ke Kaherah kerana menjalankan tugas sebagai duta besar Singapura di Republik Arab Bersatu.

untuk memerdekakan dirinya. Apabila jajahan Itali dihapuskan sesudah Perang Dunia yang Kedua, dalam masa orang-orang Eritrea menuntut kemerdekaannya, Habsyah menghendaki Eritrea supaya disatukan dengannya yang dengannya dapat ia mempunyai kawasan pantai.

Di bawah tekanan kuasa-kuasa Barat yang menjadi "ayah" kepada Habsyah keputusan Majlis Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan Disember 1950 memutuskan supaya Eritrea dan Habsyah disatukan dengan memberi autonomi kepada Eritrea di dalam hal ehwal dalam negeri tetapi Habsyah telah membuat langkah-langkah yang bertentangan dan keputusan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan mengugut Eritrea menjadi daerahnya dan mengambil kuasa-kuasa yang diberi kepada Eritrea, Barisan Pembebasan Eritrea berjuang menegakkan dan menolak desakan-desakan dari Habsyah itu.

Dalam bulan Mac yang lalu beberapa buah kampung yang menyokong Barisan Pembebasan Eritrea telah dibom dan dibakar oleh angkatan udara dan angkatan darat Habsyah.

Adalah diberitakan seramai 12,000 orang pelarian telah lari ke Sudan kerana penindasan yang dilakukan oleh Habsyah itu,

* * *

Satu seminar Islam yang terbesar bagi membasmi fahaman *al-Hād* di kalangan penganut-penganut Islam di seluruh dunia telah diadakan di kota Jeddah pada tanggal 27 Mac 1967 yang lalu dengan diwakili oleh seramai 75 orang pelajar, mahasiswa dan mahaguru dari beberapa buah negara Islam di antaranya Pakistan, Sudan, Mesir, Libya, Algeria, Syria, Iraq, Iran, Afghanistan, India,